

11 MAY 2000

Mahathir-Reaksi (Veteran)

UCAPAN YANG DATANG DARI LUBUK HATI, KATA VETERAN

KUALA LUMPUR, 1 Mei (Bernama) -- Tokoh veteran Umno Tan Sri Khir Johari berkata ucapan dasar Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perhimpunan agung Umno kali ini datang dari lubuk hati perdana menteri dan presiden Umno itu.

Beliau berkata isu-isu yang dibangkitkan seperti keburukan politik wang, bahaya globalisasi dan perlunya orang Melayu komited kepada perniagaan adalah perkara penting yang seharusnya diberi perhatian oleh semua anggota Umno.

"Langkah Dr Mahathir memilih persidangan kali ini untuk membangkitkan isu-isu berkenaan adalah amat sesuai sekali," katanya kepada pemberita selepas mendengar ucapan Dr Mahathir pada perhimpunan agung Umno ke-54 di sini hari ini.

Menurutnya, anggota Umno yang menghadiri perhimpunan kali ini perlulah menerangkan segala isu yang dibangkitkan dalam ucapan itu kepada rakan-rakan mereka.

"Perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Dr Mahathir amat penting bagi masa depan bangsa Melayu," katanya.

Seorang lagi veteran parti, Tengku Ahmad Rithauddeen berkata ucapan Dr Mahathir kali ini adalah ucapan yang bernas seperti juga pada perhimpunan tahun-tahun sebelumnya.

Beliau berkata anggota Umno seharusnya peka terhadap isu-isu yang dibangkitkan oleh Dr Mahathir kerana ia berkaitan dengan realiti yang berlaku di dalam dan luar Umno.

Menurutnya, antara isu utama yang perlu diberi perhatian ialah ingatan Dr Mahathir mengenai keburukan politik wang dan perlunya ia dihapuskan.

"Saya sebagai orang lama dalam Umno amat dukacita dengan gejala politik wang yang didakwa begitu hebat dalam parti.

"Dulu tidak ada politik wang. Bagi saya Umno akan hancur sekiranya politik wang tidak dibanteras segera," katanya.

-- BERNAMA

NY JAI MAI